

**TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PERASMIAN PESTA KONVOKESYEN UTeM KE-13**

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

*19 November 2017, Tapak Pesta Konvokesyen, 8:45 malam*

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh**  
Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Mohamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

## **Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Izaidin bin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) merangkap Pengerusi Pesta Konvo UTeM ke-13

Penolong-Penolong Naib Canselor,

Pegawai-pegawai Kanan Universiti,

Staf-staf Universiti,

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar,

Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana Pesta Konvokesyen Ke-13, dan seterusnya Mahasiswa/i serta para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

*Assalamualaikum* warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, dan Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurniaNya, yang memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua berhimpun dan bertemu dalam Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen ini bersempena Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-13.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh, Pro Canselor UTeM, Pengerusi dan Ahli-ahli

Lembaga Pengarah yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis pada malam ini.

Sungguh cantik tuan puteri,  
Tersenyum manis berseri-seri,  
Terima kasih ucapan diberi,  
Kerana sudi datang ke mari.

3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah diucapkan kepada Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran Pesta Konvokensyen kali yang ke-13 ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.
4. Saya percaya tanpa kerja keras dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga UTeM, majlis seumpama ini sukar dilaksanakan. Ibarat kata bijak pandai, “pisang sesikat, susu sebelanga, tanda bermuafakat bersama-sama.”

5. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada para graduan UTeM yang bakal menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen tahun ini. Segala kepayahan, pengorbanan dan usaha bertungkus lumus dalam menimba ilmu sepanjang pengajian di UTeM ini telah berbalas dengan segulung ijazah.
6. Harapan saya, agar para graduan dapat menggunakan segala ilmu yang diperolehi di sini dengan sebaiknya untuk membantu masyarakat dan membangunkan negara.

### **Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

7. Seperti mana lazim, Pesta Konvokesyen merupakan satu acara yang penganjurannya dilaksanakan atas inisiatif dan daya usaha mahasiswa UTeM sendiri. Bermula dari promosi, aturan aktiviti, pencarian penaja, sehinggalah kepada pelaksanaan Pesta Konvokesyen ini, semuanya dicituskan oleh mereka sendiri dengan

bimbingan dan pemantauan daripada pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM.

8. Sebagai generasi muda yang memegang jawatan tertinggi di peringkat mahasiswa, penglibatan MPP dan mahasiswa UTeM secara langsung membolehkan mereka mempelajari sesuatu yang berharga iaitu bidang pengurusan program secara praktikal. Melalui pendedahan sebegini juga, mahasiswa tidak tertumpu pada bidang akademik semata-mata namun berpeluang menyerlahkan bakat serta kebolehan mereka menguruskan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan mereka di kampus.
9. Pengalaman ini dilihat mampu membentuk sikap, watak serta kualiti kepimpinan mereka yang boleh dijadikan sebagai nilai tambah dalam diri masing-masing untuk terus bersaing mencipta kecemerlangan diri sehingga mampu menempatkan diri di kalangan yang terbaik.

## **Hadirin Hadirat sekalian,**

10. Penganjuran Pesta Konvokesyen pada kali ini telah memilih tema 'Menjunjung Ilmu, Melestari Kecemerlangan". Warga UTeM, khususnya mahasiswa dan mahasiswi perlu sedar bahawa sesuatu perkara dan ilmu itu tidak akan kekal baharu selamanya kerana dengan perubahan akan datangnya kemajuan dan perkara yang terkini.
11. Justeru itu, saya ingin menasihatkan warga UTeM, khususnya kepada mahasiswa untuk sentiasa meneroka, mencari, mengkaji dan menganalisa setiap ilmu yang baharu bagi memperkukuhkan lagi penguasaan dalam sesuatu bidang, yang secara langsung dapat mempertingkatkan lagi keyakinan dan kualiti diri agar terus cemerlang.



## **Hadirin Hadirat sekalian,**

12. Bersempena dengan berlangsungnya Pesta Konvokesyen pada tahun ini, Jawatankuasa Pelaksana telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk semua pengunjung. Antara acara yang disediakan ialah Karnival Penghayatan Islam yang dianjurkan oleh Kelab Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM, Pertandingan Futsal Terbuka, Larian UTeM Fit Challenge, dan dimeriahkan lagi dengan persembahan dari artis-artis jemputan seperti Hijjaz, Black Hanifah serta artis-artis dari Warner Music. Para pengunjung juga berpeluang melihat hasil penyelidikan mahasiswa dan para penyelidik UTeM menerusi pameran-pameran yang turut diadakan disepanjang pesta ini berlangsung.
13. Diharapkan program-program yang telah disusun dan dirancang sebaik-baiknya pada kali ini akan memberikan suntikan ilmiah dan rohaniah, bukanlah sekadar hiburan semata-mata.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

14. Akhir kata, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua dif-dif jemputan dan para pengunjung yang sudi untuk hadir bagi memeriahkan lagi Pesta Konvokesyen ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Pesta Konvokesyen UTeM ini.

Anak muda pergi ke pekan,  
Pergi ke pekan membeli dulang,  
Pesta Konvo kami anjurkan,  
Tingkat potensi, siswa cemerlang.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.*  
Terima kasih.